



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 4 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAT SABU: HIGHER FOOD PRICES IN THE COMING MONTHS, NATION, THE STAR, M/S – 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TEKANAN HARGA DALAM TEMPOH 3 HINGGA 6 BULAN AKAN DATANG – MOHAMAD	
3.	PN JANJI HARGA LANTAI PADI RM3,000, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	LAIN – LAIN
4.	'HARGA LANTAI PADI RM3,000 SEKIRANYA PN JADI KERAJAAN', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 4	
5.	HIGH COSTS HIT PADI PLANTING, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 5	
6.	90% PESAWAH TANGGUH TANAM PADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
7.	90 PERATUS PESAWAH BELUM MULA PENANAMAN KERANA AIR KURANG, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
8.	90% PESAWAH MADA TANGGUH TANAM PADI, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
9.	INDUSTRI MAKANAN NEGARA PERLU LEBIH BERDAYA TAHAN, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 12	
10.	BACKYARD EXPERIMENT BLOSSOMS INTO AGROTOURISM VENTURE, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 9	
11.	CIMB ISLAMIC MOBILISES RM750,000 FOR TERENGGANU MELON PROGRAMME, BANKING & INSURANCE, THE SUN, M/S – 12	
12.	TERNAK KELI DI KOLEJ KEDIAMAN, K-KAMPUS, KOSMO, M/S – 15, 16 & 17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	THE STAR	NATION	5

## Mat Sabu: Higher food prices in the coming months



By **VENESA DEVI**  
 venesa@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysians may have to pay more for food in the coming months as rising costs continue to drive up prices, says the Agriculture and Food Security Minister.

Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*) said while the country's food supply remained stable for now, prices may spike soon.

"Over the next three to six months, there may be some pres-

sure on food prices. This is due to rising costs for fertiliser, animal feed and fuel.

"For example, animal feed costs account for up to 70% of chicken production, while fertiliser can make up 40% to 50% of the cost of vegetables.

"When these costs increase, market prices may also be affected," he said in a statement yesterday.

Mohamad said the government has taken early steps, including setting up the National Economic

Action Council, to keep supply stable and prices under control.

"At the same time, we can all help by spending prudently, avoiding waste and prioritising essential needs.

"I am confident that with collective effort, we will be able to navigate this challenge calmly."

WATCH THE  
**VIDEO**  
 TheStarTV.com



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

## Tekanan harga dalam tempoh 3 hingga 6 bulan akan datang - Mohamad

**SHAH ALAM** - Bekalan makanan negara ketika ini masih berada pada tahap terkawal dan mencukupi, namun dijangka berdepan sedikit tekanan dari segi harga dalam tempoh tiga hingga enam bulan akan datang.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keadaan itu berpunca daripada peningkatan kos input utama seperti baja, makanan ternakan dan bahan api.

Beliau menjelaskan, kos makanan ternakan menyumbang sehingga 70 peratus dalam pengeluaran ayam, manakala kos baja pula boleh mencecah antara 40 hingga 50 peratus bagi pengeluaran sayur-sayuran.

"Apabila kos ini meningkat, harga di pasaran mungkin turut terkesan," ujarnya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerajaan telah mengambil langkah awal dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bagi memastikan bekalan makanan kekal stabil serta harga dapat dikawal sebaiknya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru orang ramai supaya memainkan peranan dengan berbelanja secara berhemah bagi mengelakkan pembaziran serta mengutamakan keperluan.

Pada Sabtu, Mohamad dalam satu hantaran di media sosial berkata, bekalan beras di Malaysia mencukupi sehingga penghujung tahun ini.

"Beras? Cukup sampai hujung tahun. Kita siap tambah stok penimbal sampai 300,000 tan metrik. Tak perlu borong berlebihan, beli macam biasa," katanya.

Beliau berkata, bekalan ayam dan telur pula hampir 100 peratus mampu sara sendiri, namun masih bergantung kepada import untuk makanan ternakan seperti jagung dan soya.

"Itu yang kita sedang usaha kurangkan, sedikit demi sedikit," katanya.

Menurutnya, bagi sayur-sayuran, kementerian sedang menyusun jadual tanaman petani dan memperkukuhkan sistem ladang kontrak agar hasil lebih terancang dan petani terus terbela.

"Bagi ikan pula memang ada cabaran cuaca panas El-Nino dan kos diesel yang tinggi. Tapi kita tak duduk diam. Akuakultur sedang diperkasakan sebagai jalan alternatif supaya bekalan ikan terus cukup," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	6



6  
Takiyuddin (tujuh dari kiri) bersama pesawah ketika Himpunan Aman Pesawah di Kampung Alor Setoi di Alor Setar pada Ahad.

# PN janji harga lantai padi RM3,000

**Jika gabungan parti politik itu berjaya bentuk kerajaan selepas PRU16**

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

**ALOR SETAR** - Perikatan Nasional (PN) bersedia menetapkan harga lantai belian padi pada kadar RM3,000 bagi setiap tan metrik sekiranya diberi mandat membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16).

Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, komitmen itu akan dimasukkan dalam manifesto gabungan berkenaan sebagai usaha meningkatkan pendapatan pesawah serta memperkukuh sektor agromakanan negara.

Menurutnya, kadar semasa sekitar RM1,500 per tan metrik dilihat tidak lagi mencukupi dan kenaikan kepada RM3,000 adalah munasabah bagi

menjamin kelangsungan hidup pesawah.

"RM3,000 itu kita boleh bagi aku-janji dalam manifesto PRU nanti dan insya-ALLAH akan dilaksanakan.

"Harga lantai yang lebih stabil mampu meningkatkan produktiviti penanaman padi," katanya ketika berucap pada Himpunan Aman Pesawah di Kampung Alor Setoi di sini pada Ahad.

Beliau berkata, penetapan harga lebih kompetitif itu juga selari dengan tuntutan dikemukakan golongan pesawah yang mahukan margin keuntungan lebih baik dalam menghadapi peningkatan kos operasi.

Terdahulu, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob dilaporkan menuntut harga lantai padi dinaikkan kepada RM3,000 per tan metrik bagi memastikan kebajikan pesawah terus terjamin.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata, pengalaman PN mentadbir negara sebelum ini membuktikan

gabungan itu berkeupayaan melaksanakan dasar pro-rakyat termasuk membantu sektor pertanian.

Katanya, sepanjang tempoh pentadbiran pada 2020 dan 2021, kerajaan PN menyalurkan kira-kira RM530 bilion melalui pelbagai pakej rangsangan bagi menyokong rakyat ketika negara berdepan pandemik Covid-19.

"Oleh itu kita yakin tiada alasan untuk kerajaan hari ini yang menyatakan bahawa tak ada duit untuk memberikan subsidi diesel kepada rakyat terutamanya kepada petani yang jentera guna diesel dan memerlukan bantuan kerajaan. Kalau tak tolong buat apa jadi kerajaan," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan PN akan terus membawa suara rakyat termasuk golongan pesawah melalui siri himpunan aman yang dirancang di beberapa lokasi termasuk di ibu negara.

Menurutnya, langkah itu bertujuan memastikan isu kebajikan petani terus diberi perhatian sewajarnya oleh pihak berkepentingan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

# 'Harga lantai padi RM3,000 sekiranya PN jadi kerajaan'

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Perikatan Nasional (PN) menjanjikan harga lantai belian padi kepada RM3,000 bagi setiap tan metrik sekiranya gabungan itu membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16) kelak.

Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, janji itu mampu dilaksanakan kerana harga semasa ketika ini iaitu RM1,500 per tan metrik tidak banyak berbeza dengan tuntutan dimahukan para pesawah.

Beliau berkata, penetapan harga yang lebih stabil akan berupaya memperhebat aktiviti penanaman padi menjadi semakin produktif disamping bantuan lain kepada petani.

"Jadi RM3,000 (per tan metrik) kami boleh bagi akujanji dalam manifesto PRU nanti pun dan insya-Allah kita akan laksanakan harga lantai padi RM3,000. Itu adalah satu janji yang kami berikan yang insya-Allah akan dapat dilaksanakan," katanya berucap pada Himpunan Aman Pesawah di Kampung Alor Setoi, di sini semalam.

Sebelum ini, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob menuntut harga lantai padi dinaikkan kepada RM3,000 per tan metrik yang amat perlu



**TAKIYUDDIN** Hassan berucap pada Himpunan Aman Pesawah di Kampung Alor Setoi di Alor Setar, Kedah, semalam.

bagi membolehkan pesawah memperoleh margin keuntungan munasabah untuk kelangsungan hidup.

Tambah Takiyuddin, meskipun PN kini tidak bergelar kerajaan, pengalaman mentadbir negara selama dua tahun pada 2020 dan 2021 membolehkan gabungan itu dapat meringankan bebanan ditanggung rakyat khususnya pesawah.

Katanya, ketika itu PN diuji dengan pandemik Covid-19 sehingga ada pihak yang menyatakan kerajaan tidak akan mampu bertahan lama termasuk meramalkan negara bakal bankrap

selepas tiga bulan.

"Tetapi ketahuilah kerajaan PN yang ditubuhkan pada masa itu telah membelanjakan RM530 bilion melalui pelbagai pakej rangsangan untuk membantu rakyat dari segi kesihatan, ekonomi dan kos sara hidup bagi memastikan rakyat ada makanan di atas meja.

"Oleh itu kita yakin tiada alasan untuk kerajaan hari ini yang menyatakan bahawa tak ada duit untuk memberikan subsidi diesel kepada rakyat terutamanya kepada petani yang jentera guna diesel dan memerlukan bantuan kerajaan. Kalau tak to-



**Kalau secara aman tak ada orang akan dengar kita, kalau kita buat secara aman kita kena bangkit dulu. Selepas itu kalau nak buat himpunan ganas pun buat lah, saya tahu ada special branch tapi saya bertanggungjawab."**

long buat apa jadi kerajaan," katanya.

Sementara itu, Takiyuddin memaklumkan, himpunan bangkit rakyat termasuk membawa suara petani akan diadakan kembali dalam beberapa siri antaranya di Pejabat Perdana Menteri dan bangunan Parlimen.

"Kalau secara aman tidak ada orang akan dengar kita, kalau kita buat secara aman kita kena bangkit dulu. Selepas itu, kalau hendak buat himpunan ganas pun buatlah, saya tahu ada special branch tetapi saya bertanggungjawab," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	NEW STRAITS TIMES	NATION	5

## WATER SHORTAGES

# HIGH COSTS HIT PADI PLANTING

90pc of Kedah farmers have yet to begin cultivation

NOORAZURA ABDUL RAHMAN  
ALOR STAR  
news@nst.com.my

**A**LMOST 90 per cent of padi farmers in Kedah, including those in Muda Agricultural Development Authority (Mada) areas, have yet to begin planting for Season 1/2026 due to rising operational costs and water shortages.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia chairman Abdul Rashid Yob said the delay not only disrupted planting schedules but could also impact the country's rice self-sufficiency ratio in the long term.

According to the Mada schedule, planting for phase one should have started on April 15, followed by phase two on April 29 and phase three on May 13.

"The main issue is low dam levels. The Muda Dam remains at a critical stage, and priority is being given to domestic use rather than irrigation for padi fields.

"Even if water were to be released in the near future, farmers still cannot afford to cultivate their fields because the costs have become too high."



Muhd Hakimi inspecting his padi field in Jitra, Kedah, yesterday. NSTP PIC BY WAN NABIL NASIR

He said this during a peaceful assembly of farmers at Kampung Alor Setoi here yesterday.

Rashid said machinery costs have skyrocketed, with tractor rental rates increasing by up to 66 per cent, while harvester costs have risen by 38 per cent.

Overall operational costs have surged by more than 50 per cent, placing an immense financial burden on farmers.

"This does not even include the cost of fertilisers and other inputs. With padi and rice prices remaining stagnant, farmers can-

not bear this burden.

"If padi prices increase, rice prices must also be adjusted, or the government must intervene to stabilise the situation," he said.

Despite rainfall over the past few days, Rashid said it has been insufficient to restore soil moisture or replenish the irrigation systems.

"We need more rain to ensure the canals have enough supply."

He urged the government to address the cost issues to safeguard the nation's food security.

"Just as we protect national sovereignty, we must also protect food sovereignty.

"Rice is our staple food, and farmers are the frontliners in ensuring its supply."

According to data from the Mada website yesterday, the total combined water storage for the three dams under its supervision stood at 38.36 per cent.

The Pedu Dam recorded storage of 39.36 per cent, while the Ahning Dam stands at 51.31 per cent. However, the Muda Dam remains at a critical 8.24 per cent.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

# 90% pesawah tangguh tanam padi

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
 utusannews@mediamula.com.my

**ALOR SETAR:** Kira-kira 90 peratus pesawah di negeri ini termasuk di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih menangguhkan aktiviti penanaman padi bagi Musim 1/2026 susulan kos operasi yang kekal tinggi dan kekangan bekalan air.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, situasi semasa itu bukan sahaja menjejaskan jadual

penanaman, malah berpotensi memberi kesan jangka panjang terhadap tahap sara diri beras (SSR) negara.

"Masalah utama adalah paras air empangan yang rendah. Empangan Muda masih pada tahap kritikal dan keutamaan diberikan kepada kegunaan domestik, bukan pengairan untuk padi."

"Malah, seandainya air dilepaskan dalam waktu terdekat ini sekali pun pesawah tetap tidak mampu mengusahakan sawah kerana kos yang terlalu tinggi," katanya selepas Himpunan Aman Pesawah di Kampung

Alor Setoi, semalam.

Himpunan tersebut kali ketiga dianjurkan di negeri ini bagi menyuarakan realiti kesukaran yang dihadapi pesawah yang mengerjakan tanaman di kawasan jelapang padi.

Ujar Abdul Rashid, kos penggunaan jentera seperti traktor meningkat sehingga 66 peratus, manakala kos mesin menuai pula sekitar 38 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kos operasi melonjak lebih 50 peratus.

"Ini belum termasuk kos baja dan input lain. Dalam keadaan harga padi dan beras masih

tidak berubah, pesawah tidak mampu menanggung beban ini.

"Kalau harga padi naik, harga beras juga perlu diselaraskan, atau kerajaan perlu campur tangan bagi menstabilkan keadaan," katanya.

Tambahnya, hujan sejak beberapa hari lalu masih belum mencukupi untuk memulihkan keadaan tanah dan sistem pengairan.

"Kita perlukan taburan hujan yang lebih tinggi untuk memulihkan kelembapan tanah serta memastikan bekalan air di tali air mencukupi. Buat masa ini,

keadaan masih belum mengizinkan untuk pesawah memulakan penanaman walaupun sudah memasuki bulan Mei," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan mengambil langkah segera bagi menangani isu kos demi memastikan ketenteraman makanan negara terus terpelihara.

"Seperti kita menjaga kedaulatan negara, begitu juga kita perlu menjaga kedaulatan makanan. Beras adalah makanan asas rakyat, dan pesawah adalah benteng utama dalam memastikan bekalan itu mencukupi," katanya.



**PARA** pesawah bersama pemimpin masyarakat mengadakan Himpunan Aman Pesawah bagi menyuarakan kesukaran dihadapi di Kampung Alor Setoi, Alor Setar, Kedah, semalam.

**BANDAR JAYA PUTRA**  
FASA 2C

**HAK MILIK KEKAL**

**RUMAH KLUSTER 2 TINGKAT**

Jumlah Baki Unit  
Bumiputera : 12 Unit

Saiz Lot : 32' x 70' | Saiz Binaan : 2,550 k.p. | Keluasan Tanah : 2,240 k.p. - 3,412 k.p.  
 Harga Bumiputera Dari : RM1,036,150.00 - RM1,328,550.00  
 (Harga Selepas Diskaun 15% untuk Bumiputera)

**SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	18



Pesawah Mada Hakim memandu sawahnya yang belum memulakan penanaman padi di Lubuk Kawah, Jitra, semalam.



Keadaan sawah padi di Lubuk Kawah, Jitra yang terbiar akibat pesawah tidak memulakan penanaman bagi musim pertama tahun ini, susulan peningkatan kos operasi dan kekurangan bekalan air.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Masalah utama ialah paras air empangan yang rendah. Empangan Muda masih pada tahap kritikal dan keutamaan diberikan kepada kegunaan rumah, bukan pengairan untuk padi.

Abdul Rashid Yob, Pengerusi PESAWAH

# 90 peratus pesawah belum mula penanaman kerana air kurang

Kos operasi naik lebih 50 peratus turut jadi punca, kelewatan boleh ancam tahap sara diri beras negara

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Kira-kira 90 peratus daripada 56,000 pesawah di Kedah, termasuk di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) belum memulakan penanaman padi bagi musim pertama tahun ini, susulan peningkatan kos operasi dan kekurangan bekalan air.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata, keadaan itu bukan sahaja menjejaskan jadual penanaman malah boleh memberi kesan jangka panjang terhadap tahap sara diri beras (SSR) negara.

Katanya, pesawah di kawasan MADA sepatutnya sudah memulakan tanaman musim pertama mengikut jadual bermula bagi



Pesawah mengadakan perhimpunan di Kampung Alor Setoi, Alor Setar, semalam.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Fasa Satu pada 15 April, Fasa Dua pada 29 April dan Fasa Tiga pada 13 Mei.

"Masalah utama ialah paras air empangan yang rendah. Empangan Muda masih pada tahap kritikal dan keutamaan diberikan kepada kegunaan rumah, bukan pengairan untuk padi.

"Seandainya air dilepaskan dalam waktu terdekat ini sekali pun, pesawah tetap tidak mampu mengusahakan sawah kerana kos yang terlalu tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas perhimpunan pesawah di Kampung Alor Setoi, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, peningkatan kos penggunaan jentera antara faktor utama apabila kadar sewaan traktor meningkat sehingga 66 peratus, manakala kos mesin menuai naik sekitar 38 peratus.

Katanya, lonjakan itu menjadi kan keseluruhan kos operasi me-

ingkat lebih 50 peratus, sekali gus membebankan pesawah.

"Ini belum termasuk kos baja dan input lain. Dalam keadaan harga padi dan beras masih tidak berubah, pesawah tidak mampu menanggung beban ini.

"Kalau harga padi naik, harga beras juga perlu diselaraskan, atau kerajaan perlu campur tangan bagi menstabilkan keadaan," katanya.

Beliau berkata, hujan sejak beberapa hari lalu masih belum

mencukupi untuk membantu memulihkan keadaan tanah dan sisten pengairan.

"Kita perlukan taburan hujan yang lebih tinggi untuk memulihkan kelembapan tanah serta memastikan bekalan air di tali air mencukupi.

"Buat masa ini, keadaan masih belum mengizinkan untuk pesawah memulakan penanaman, walaupun sudah memasuki Mei," katanya.

## Facas empangan susut

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan bertindak segera bagi menangani isu kos yang semakin menekan, demi memastikan bekalan makanan negara terus terjamin.

"Seperti kita menjaga kedaulatan negara, begitu juga kita perlu menjaga kedaulatan makanan. Beras makanan asas rakyat, dan pesawah ialah benteng utama dalam memastikan bekalan itu mencukupi," katanya.

Laman sesawang MADA semalam memaklumkan tiga air di empangan seliaannya menunjukkan kadar takungan keseluruhan air sebanyak 38.36 peratus.

Empangan Pedu mencatatkan takungan 39.36 peratus, Empangan Muda hanya 8.24 peratus dan Empangan Ahning mencatatkan takungan 51.31 peratus.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	KOSMO	NEGARA	12



PESAWAH bersama pemimpin masyarakat mengadakan Himpunan Aman Pesawah bagi menyuarakan kesukaran dihadapi di Kampung Alor Setoi, Alor Setar semalam.

# 90% pesawah MADA tanggung tanam padi

- **Paras air empangan yang rendah jejakkan jadual penanaman**
- **Kos penggunaan traktor meningkat 66 peratus, mesin tuai 38 peratus**

**ALOR SETAR** – Kos operasi tinggi dan kekangan bekalan air ketika ini menyebabkan kira-kira 90 peratus pesawah termasuk di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih menanggungkan aktiviti penanaman padi bagi musim 1/2026.

Pengerusi Pertubuhan Persewahan Pesawah Malaysia (PeSawah), Abdul Rashid Yob berkata, penanguhan itu dilihat bukan sahaja menjejaskan jadual penanaman tetapi juga dikhuati-

ri memberi kesan jangka panjang terhadap tahap sara diri beras (SSR) negara.

“Masalah utama adalah paras air empangan yang rendah. Empangan Muda masih pada tahap kritikal dan keutamaan diberikan kepada kegunaan domestik, bukan pengairan untuk padi.

“Malah, seandainya air dilepaskan dalam waktu terdekat ini sekali pun pesawah tetap tidak mampu mengusahakan sawah kerana kos yang terlalu tinggi,” katanya ketika ditemui selepas Himpunan Aman Pesawah di Kampung Alor Setoi, di sini semalam.

Ujarnya, kos penggunaan jentera seperti traktor meningkat sehingga 66 peratus, manakala kos mesin menuai pula sekitar 38 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan kos operasi melonjak lebih 50 peratus.

“Ini belum termasuk kos baja

dan input lain. Dalam keadaan harga padi dan beras masih tidak berubah, pesawah tidak mampu menanggung beban ini.

“Kalau harga padi naik, harga beras juga perlu diselaraskan, atau kerajaan perlu campur tangan bagi menstabilkan keadaan,” katanya.

Jelasnya, hujan yang berlaku sejak beberapa hari lalu masih belum mencukupi untuk memulihkan keadaan tanah dan sistem pengairan.

“Kita perlukan taburan hujan yang lebih tinggi untuk memulihkan kelembapan tanah serta memastikan bekalan air di tali air cukup. Buat masa ini, keadaan masih belum izinkan untuk pesawah mula penanaman walaupun sudah bulan Mei,” katanya.

Dia menggesa kerajaan mengambil langkah segera bagi menangani isu kos demi memastikan keterjaminan makanan.

AHMAD ZUBIR  
IBRAHIM

**D**ALAM dunia yang semakin tidak menentu, persoalan sekuriti makanan bukan lagi sekadar isu dasar, tetapi persoalan kelangsungan negara. Malaysia kini berdepan dengan satu realiti baharu yang semakin kompleks apabila pelbagai krisis serentak mula memberi tekanan kepada sistem makanan negara.

Gabungan faktor global dan domestik seperti konflik geopolitik, musim panas berpanjangan, kenaikan harga diesel serta kelemahan struktur rantaian pengeluaran makanan telah mewujudkan tekanan besar terhadap kestabilan bekalan makanan dan kos sara hidup rakyat, khususnya golongan rentan.

Ini turut memberi kesan rantaian kepada kos logistik, pengangkutan dan pengeluaran makanan. Kesan ini akhirnya diterjemahkan kepada peningkatan harga makanan di pasaran domestik.

Keadaan ini menjadi lebih parah apabila rantaian pengeluaran makanan negara turut dibelenggu oleh pelbagai perkara yang mencakupi birokrasi yang tidak fleksibel, monopoli dalam pengagihan input pertanian, kelemahan komunikasi antara agensi serta kewujudan kartel yang mengawal harga dan bekalan. Kelemahan ini telah menyebabkan ketidakcekapan dalam pengeluaran, pengagihan serta pemasaran makanan, sekali gus merencatkan produktiviti sektor pengeluaran makanan.

Lebih membimbangkan, Malaysia masih bergantung tinggi kepada import makanan dengan defisit perdagangan agromakanan yang semakin melebar turut memberi ancaman kepada kedudukan sekuriti makanan negara. Kebergantungan ini secara tidak langsung turut meningkatkan risiko ketidakstabilan harga makanan dalam negara.

Tambahan pula perangkaan bagi tahap sara diri (SSL) bagi beberapa komoditi utama seperti beras menunjukkan peratusan yang masih rendah, menjadikan negara mudah terdedah kepada sebarang gangguan rantaian bekalan global.

Jika keadaan ini berterusan, kebergantungan kepada import makanan akan meningkat dan menjejaskan kedaulatan makanan negara. Persoalannya, sejauh

# Industri makanan negara perlu lebih berdaya tahan



**TANPA tindakan yang berani dan strategik, industri ini berisiko menjadi tidak relevan secara ekonomi dan negara akan terus bergantung kepada import makanan.**

mana pembangunan fizikal wajar diteruskan jika ia mengorbankan keselamatan makanan negara?

Hakikatnya, cabaran sebenar adalah lebih mendalam apabila melihat kepada struktur industri makanan dalam negara. Penanaman padi sebagai contoh dilihat sebagai aktiviti yang tidak lagi berekonomik bagi sebahagian besar petani. Kos input seperti baja, benih, racun dan upah jentera meningkat secara konsisten, tetapi harga lantai padi dan beras kekal relatif rendah dan tidak responsif kepada kos semasa.

Tambahan pula dengan krisis global yang dihadapi ini telah menyebabkan kos pengeluaran tanaman berkali ganda. Ketidakseimbangan ini menyebabkan margin keuntungan petani semakin mengecil, malah dalam banyak keadaan, hampir tidak memberi pulangan yang munasabah.

Dalam mengharungi situasi ini, golongan yang paling terkesan adalah golongan berpendapatan rendah (B40), khususnya petani berskala kecil. Mereka bukan sahaja berhadapan dengan penurunan hasil pengeluaran akibat cuaca panas, tetapi juga terpaksa menanggung peningkatan kos input dan kos sara hidup. Keadaan ini menyebabkan mereka terdedah kepada

ketidakcukupan pendapatan, peningkatan hutang dan tekanan sosial yang berpanjangan.

Dalam menghadapi krisis berlapis ini, kerajaan telah mengambil langkah proaktif melalui pengenalan dan peningkatan bantuan serta insentif kepada sektor pertanian dan pengguna diesel. Antara langkah utama termasuk peningkatan insentif pembajakan kepada pesawah daripada RM160 kepada RM300 sehektar, serta insentif penuaian padi sebanyak RM50 sehektar.

Langkah ini bertujuan mengurangkan beban kos operasi yang ditanggung petani dan memastikan aktiviti penanaman dapat diteruskan. Selain itu, bantuan tunai diesel di bawah inisiatif BUDI turut ditingkatkan daripada RM300 kepada RM400 sebulan bagi membantu pengguna diesel termasuk dalam sektor pertanian dan logistik. Seramai 350,000 penerima dijangka mendapat manfaat daripada inisiatif ini, dengan tambahan peruntukan bulanan yang signifikan bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup dan operasi.

Langkah-langkah ini mencerminkan pendekatan kerajaan yang bersifat responsif dalam menangani tekanan kos jangka pendek. Namun begitu, menjadi persoalan yang lebih kritikal

ialah sejauh mana pendekatan ini mampu menyelesaikan isu struktur yang lebih mendalam dalam industri makanan.

Walaupun bantuan kewangan dapat meringankan beban sementara, ia tidak menyelesaikan isu asas seperti ketidakcekapan rantaian bekalan, kebergantungan kepada input import dan ketidakseimbangan harga antara kos pengeluaran dan harga jualan hasil.

Lantaran itu, tanpa reformasi struktur yang menyeluruh, industri ini akan terus berhadapan risiko kehilangan daya saing dan minat generasi baharu. Justeru, langkah jangka pendek ini perlu disokong dengan strategi jangka panjang yang lebih berani dan holistik.

Antaranya termasuk memperkukuh pengeluaran domestik melalui pembangunan kawasan luar jelapang, pelaburan dalam teknologi pertanian pintar, serta perlindungan tanah pertanian daripada penyusutan akibat pembangunan tidak terkawal.

Pewartaan tanah sawah sebagai zon keselamatan makanan mesti diperketatkan, manakala tanah terbiar perlu dioptimumkan melalui kerjasama strategik. Struktur pengeluaran perlu beralih kepada model berskala besar seperti penubuhan konsortium bagi

meningkatkan kecekapan dan penggunaan teknologi.

Pelaburan dalam pertanian pintar termasuk dron, kecerdasan buatan (AI) dan pembangunan sistem pengairan moden perlu dipercepatkan. Reformasi rantaian bekalan bagi meningkatkan ketelusan dan keadilan pasaran serta semakan harga lantai padi adalah kritikal.

Pengukuhan infrastruktur air dan pembangunan agropreneur muda turut menjadi pemacu utama kelestarian sektor ini.

Kerajaan juga perlu menilai semula struktur harga padi agar lebih mencerminkan kos sebenar pengeluaran, sekali gus memastikan pulangan yang lebih adil kepada petani.

Tanpa strategi yang komprehensif, sektor padi akan terus dilihat sebagai tidak berekonomik dan berisiko ditinggalkan oleh generasi akan datang.

Jika diamati, pendekatan yang diambil oleh kerajaan melalui peningkatan bantuan dan insentif merupakan langkah penting dalam menangani kesan segera krisis global. Namun, dalam dunia yang semakin tidak menentu akibat konflik geopolitik, perubahan iklim dan tekanan ekonomi, Malaysia perlu melangkah lebih jauh dengan melakukan reformasi struktur yang menyeluruh.

Tanpa tindakan yang berani dan strategik, industri ini berisiko menjadi tidak relevan secara ekonomi, dan negara akan terus bergantung kepada import makanan. Kini adalah masa untuk beralih daripada pendekatan reaktif kepada pendekatan transformasi yang mampan dan berdaya tahan.

Hakikatnya sekuriti makanan bukan sekadar isu bekalan, tetapi soal kedaulatan negara. Tanpa sistem dan rantaian makanan yang perdaya tahan, setiap krisis global akan terus memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat, khususnya golongan rentan. Sudah tiba masa untuk bertindak secara strategik, bukan sekadar reaktif.

PROFESOR Dr. Ahmad Zubir Ibrahim ialah Timbalan Dekan (Akademik & Pengantarabangsaan), Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM).

## KRASAVA GRAPES

## Backyard experiment blossoms into agrotourism venture

**TUMPAT:** Sunlight filters through the canopy, with grapevines supported by a structured trellis system that allows for controlled cultivation and easier maintenance.

What began as a backyard experiment has grown into a budding agrotourism venture for former graphic artist Wan Yusoff Abdul Rahman.

The 42-year-old now tends a grape orchard at his home in Kampung Belukar, Wakaf Baru, which has drawn visitors curious to see and taste locally grown grapes.

His journey into farming began in 2019, driven by a desire to try something new while spending more time with his family.

"I started with a few plants around the house. Now I have about 200 grapevines, with 60 already bearing fruit," he said, adding that the variety he grows — Krasava, originally from Ukraine — is not widely available in Malaysia.



Wan Yusoff Abdul Rahman checking the ripeness of the grapes at his orchard in Kampung Belukar, Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan. NSTP

PIG BY WANNA ABDUL RAHIM

Krasava is a high-yielding hybrid grape known for its striking, finger-shaped purple berries and early ripening.

Wan Yusoff said each productive vine yields between 12kg and 15kg of grapes per season, with current output reaching about

900kg.

"I sell the grapes at RM50 per kg and there is also demand for the plants," he said.

Wan Yusoff allows visitors to enter his orchard for free on Fridays. Among the regulars are school groups keen to learn about grape cultivation.

Wan Yusoff is often seen inspecting the vines, checking the ripeness of the grapes as he moves through the orchard.

Looking ahead, he plans to transform the orchard into a full-fledged agrotourism destination.

Wan Yusoff said he received a RM169,000 grant from an agency under the Kemubu Agricultural Development Authority earlier this year to develop facilities, including a seminar hall, dining area, public toilets and a cafe.

"Construction is expected to begin this month," he said. "The idea is to create a place where

people can relax while learning about agriculture."

Future plans include a "pick-your-own grapes" experience, a wedding photo booth area and expansion of the orchard by another 0.8ha.

Wan Yusoff said the orchard currently attracts about 10,000 visitors annually and he expects the number to double once the agrotourism project is completed.

"This is more than just farming. It is about creating a space for people to enjoy nature and spend time with their families," he added.



Supported by the Malaysian Communications and Multimedia Commission

## CIMB Islamic mobilises RM750,000 for Terengganu melon programme

**PETALING JAYA:** CIMB Islamic Bank Bhd continues to drive inclusive and sustainable development through its flagship ITEKAD initiatives with the ITEKAD CIMB Islamic Melon Manis Terengganu Graduate Agropreneur Programme.

Since 2023, the bank has mobilised RM750,000 in seed funding to empower 40 underserved and asnaf students across two cohorts through sustainable agropreneurship, resulting in the cultivation of about 12,000 Melon Manis Terengganu (MMT) plants, a premium crop with high commercial potential.

Following the success of its inaugural cohort, CIMB has committed to expand the programme for a second cohort, extending training and production across four greenhouses in Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisa) Besut Campus.

CIMB Group CEO Novan Amirudin said, "This programme reflects our commitment to advancing customers and society by harnessing Islamic social finance as a catalyst for inclusive and sustainable nation building. By

thoughtfully integrating financial inclusion with capacity building, we empower students to develop resilient livelihoods while strengthening local agro based value chains and enhancing income opportunities in Terengganu.

"Beyond supporting individual participants, the programme helps nurture a new generation of future ready agropreneurs by creating practical and sustainable pathways for youth to participate in high-growth, high-value sectors for the nation, particularly modern agriculture, contributing to a more resilient and inclusive food security landscape overtime."

Delivered in collaboration with Yayasan DIRaja Sultan Mizan (YDSM) and Unisa, the programme equips youth from the underserved and asnaf communities with technical expertise, entrepreneurial skills and access to essential resources with structured training and hands-on agricultural experience, enabling participants to thrive in modern agriculture.



From left: Novan, CIMB Group chairman Datuk Syed Zaid Albar, Unisa vice chancellor Prof. Datuk Dr Fadzi Adam and CIMB Islamic CEO Ahmad Shahrizan Mohd Shariff visiting the greenhouse of ITEKAD CIMB Islamic Melon Manis Terengganu Graduate Agropreneur Programme at Unisa Besut Campus.

All participants from the inaugural cohort have remained active in the programme, collectively achieving an average income of around RM3,000 each per harvest, underscoring the viability of agro-based entrepreneurship as a sustainable long-term pathway for graduates and youth in

Terengganu. The programme is part of Bank Negara Malaysia's ITEKAD initiative, a national Islamic social finance platform, implemented by CIMB Islamic to drive inclusive economic empowerment.

Under this initiative, CIMB Islamic launched three key programmes – the ITEKAD Program *Keusahawanan CIMB Islamic-Taylor's*, the ITEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Asnaf Programme, and the ITEKAD CIMB Islamic Melon Manis Terengganu Agropreneur Programme.

By mobilising zakat, waqaf and impact investments, these programmes provide financial support, structured capability development, and market access to empower underserved communities and micro-entrepreneurs.

Through these efforts, CIMB Islamic continues to advance inclusive growth and strengthen long-term resilience nationwide and foster greater social impact and economic opportunities across all levels of society.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	KOSMO	K-KAMPUS	15

# K!-KAMPUS

ISNIN 04.05.2026  
[www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)  
 kosmo online  
 @ f X



## Ternak keli di kolej kediaman

**U**NIVERSITI bukan sekadar gedung ilmu untuk pelajar menimba ilmu akademik semata-mata.

Sebaliknya, di universiti pelajar berpeluang untuk mencuba pelbagai perkara baharu melalui aktiviti atau program yang dianjurkan di luar kelas.

Begitu juga buat Hanna Zulaikha A. Hadi Kamil, 25, bersama pelajar di Kolej 12 Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor yang mendapat peluang untuk mengikuti program akuakultur dengan belajar memelihara ikan keli.

Baginya, inisiatif program tersebut adalah sesuatu yang sangat bermanfaat, terutamanya kepada pelajar yang bukan daripada bidang pertanian.



Ramai pelajar di Kolej 12 ini datang daripada latar belakang dan pengajian berbeza, apabila ada program macam ini, sekurang-kurangnya kami dapat belajar satu kemahiran baharu."

"Program seperti ini memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran baharu yang tidak diajar secara formal di dalam kelas.

"Ramai pelajar di Kolej 12 ini datang daripada latar belakang dan pengajian berbeza, apabila ada program macam ini, sekurang-kurangnya kami dapat belajar satu kemahiran baharu ternak ikan," katanya.

Tambahnya, melalui pendedahan seperti

itu, selepas tamat pengajian pelajar juga boleh cuba ceburi bidang penternakan ikan keli jika masih belum mendapat peluang pekerjaan.

Salah satu perkara utama yang dipelajari oleh para pelajar ialah pengurusan pemakanan ikan.

Setiap peringkat tumbesaran ikan keli memerlukan jenis nutrien yang berbeza, dan pelajar perlu memahami keperluan ini

untuk memastikan ikan membesar dengan sihat. Setelah mengikuti program tersebut, Hanna Zulaikha menyedari bahawa penternakan ikan keli tidaklah serumit yang disangka.

ia tidak memerlukan kolam besar atau sistem yang kompleks seperti sesetengah spesies ikan lain.

"Sebaliknya, ikan keli boleh diternak dalam tangki yang lebih kecil, menjadikannya sesuai sebagai projek pembelajaran untuk pelajar.

"Apabila melihat sendiri, barulah saya faham sebenarnya memelihara ikan keli ni agak mudah dan tidak terlalu rumit dan sesuai untuk pelajar yang baru nak belajar," jelasnya yang merupakan pelajar sarjana dalam bidang ekonomi pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	KOSMO	K-KAMPUS	16

# Inisiatif Kolej 12 UPM pupuk pelajar kemahiran tambahan



STAF dan pelajar Kolej 12, UPM. Serdang bergambar kenangan dalam Program Keli ke Kualiti berlangsung baru-baru ini yang mengetengahkan masakan keli hasil ternakan warganya.



**Rencana Utama**  
Oleh FARID AHMAD TARMIJ

**N**ISIATIF yang diusahakan oleh Kolej 12 tersebut merupakan satu langkah yang baik dalam membantu memberi kemahiran baharu yang bermanfaat untuk para pelajar.

Malah, ia juga membantu pelajar untuk peka dengan keterjaminan bekalan makanan negara dan dengan ilmu yang diraih, mereka boleh menceburkan diri dalam bidang akuakultur pada masa hadapan.

Dalam pada itu, Pengetua Kolej 12, Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa berkata, kebimbangan utama kini tertumpu kepada keterjaminan bekalan makanan negara memandangkan ketidaktentuan geopolitik yang melanda dunia.

Menurutnya, sebagai langkah proaktif, kerajaan telah menggesa pemerkasaan sektor pertanian domestik.

"Oleh itu, sudah sampai masanya aktiviti pertanian perlu diangkat sebagai gaya hidup rakyat pada bila-bila masa, bukan hanya sewaktu berhadapan dengan sesuatu krisis.

"UPM, sebagai peneraju keterjaminan makanan negara, telah mengambil langkah progresif melalui pelbagai inisiatif di peringkat fakulti dan kolej kediaman.



PELAJAR-PELAJAR Kolej 12 tidak melepaskan peluang untuk mempelajari tentang ternakan ikan keli.

"Di Kolej 12, para pelajar didedahkan secara teori dan praktikal kepada aktiviti tanaman sayuran serta akuakultur sebagai sumber protein alternatif selain daripada ayam dan daging," katanya.

Dengan agenda Pertanian Untuk Rakyat (Putra), Kolej 12 mempersiapkan warganya dengan ketidaktentuan geopolitik dunia dan keterjaminan makanan.

Maka dua elemen penting yang melengkapi makanan lengkap bagi manusia iaitu sayuran dan protein telah diperkenalkan oleh pihak kolej sebagai ilmu pembelajaran sepanjang hayat kepada warganya.

Siti Suriawati berkata, salah satu produk akuakultur yang sangat sesuai dengan ekosistem yang terdapat di Malaysia adalah ikan keli.

Terangnya, sifatnya yang tahan lasak daripada pelbagai segi menyebabkan ikan keli sesuai dipelihara oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia.

"Ia mudah diuruskan dan tidak memerlukan kos pengurusan yang tinggi, selain daripada itu harganya juga stabil dan mampu milik menyebabkan ikan keli menjadi pilihan popular di premis makanan di Malaysia.

"Kolej 12 telah menjalani projek rintis memelihara ikan keli di dalam tangki di kebun kolej yang terhad saiznya.

"Disebabkan beberapa kekangan seperti kewangan dan ruang yang terhad, pihak kolej memilih untuk memelihara ikan keli di dalam dua tangki," jelasnya.

Malah, semester ini, Kolej 12 mempunyai seramai 2,231 pelajar daripada pelbagai program pengajian dan mereka digalakkan untuk melibatkan diri dalam inisiatif tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2026	KOSMO	K-KAMPUS	17



**PIHAK kolej telah dibekalkan dengan lebih 800 benih ikan keli kacukan keli Afrika dengan tempatan dan ikan-ikan keli itu dilternakan di dalam tangki di kebun kolej.**

Pihak kolej telah dibekalkan lebih 800 benih ikan keli kacukan keli Afrika dan tempatan oleh Pusat Pengembangan Akuakultur, Bukit Tinggi, Pahang. Kacukan ini dipilih kerana ia lebih pantas tumbesaran dan mempunyai isi yang lebih banyak bagi tujuan komersial. Inisiatif itu juga telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Jabatan Perikanan Malaysia. Mereka telah mengadakan lawatan tapak untuk melihat kesesuaian kawasan kolej bagi memelihara ikan keli. Siti Suriawati berkata, seramai 10 staf kolej dan lima pelajar daripada Kolej 12 telah dihantar bagi menghadiri kursus jangka pendek ikan keli di Bukit Tinggi, Pahang. "Kursus selama dua hari itu telah berjaya memberikan pendedahan asas mengenai ikan keli kepada peserta. "Para peserta turut mengambil bahagian dalam memilih ikan induk bagi tujuan pembiakan benih ikan keli, di samping itu, sifat ikan keli dan cara pemakanan turut diberikan kepada para peserta," katanya. Kolej 12 telah menempatkan benih ikan keli di dalam dua tangki air bersaiz 500 gellen di kebun kolej. Bagi projek rintis ikan keli ini adalah

lebih sesuai dibela di dalam tangki untuk memudahkan proses pemantauan dengan lebih dekat di samping mengelak daripada dimakan haiwan pemangsa. Walaupun Kolej 12 mempunyai tasik yang luas dan sesuai untuk habitat ikan air tawar tetapi untuk permulaan dan bagi projek rintis adalah lebih sesuai ditempatkan di dalam tangki. Siti Suriawati berkata, staf dan pelajar kolej sama-sama memainkan peranan di dalam projek ikan keli tersebut. "Pelajar kolej ditugaskan untuk memberi makan kepada ikan keli mengikut jadual yang ditetapkan. "Selain daripada itu, mereka turut membantu menjaga pameran pertanian di peringkat UPM yang mempamerkan ikan keli kolej kepada pengunjung. "Pendedahan sebegini amat penting agar para pelajar mendapat pengalaman secara langsung mengenai aktiviti keusahawanan pertanian," ujarnya. Setelah empat bulan dibela, ikan keli yang dilternakan telah mencapai saiz yang sesuai untuk dituai. Malah, baru-baru ini turut diadakan Program Keli ke Kualiti Kolej 12 bertempat di Wakaf Kolej 12.



**IKAN keli yang dilternakan pelajar di Kolej 12 dikatakan mempunyai rasa yang sangat enak.**

Turut diadakan adalah aktiviti demo masakan oleh Profesor Dr. Muhammad Shahrim Abdul Karim, daripada Fakulti Teknologi Sains Makanan. Beliau telah berkongsi dua resipi iaitu nasi kerabu yang menggunakan hasil 70 peratus herba dan sayuran daripada Kebun Agriva, Kolej 12 dan turut menyediakan sambal ikan keli, manakala staf kolej turut menyediakan masakan sambal hijau ikan keli. Siti Suriawati berkata, ikan keli yang dimasak telah dihidangkan kepada tetamu jemputan ke program tersebut. "Hasil temu ramah dengan beberapa orang tetamu yang hadir ke program tersebut menyatakan isi ikan keli yang dipelihara oleh Kolej 12 sangat enak dan tidak hanyir untuk dimakan. "Malah ada beberapa tetamu yang tidak makan ikan keli sebelum ini turut memuji keenakan ikan keli yang kami bela.

"Selain rasanya yang tidak hanyir isinya sangat sedap dan mempunyai isi yang banyak," jelasnya. Dengan cara pemeliharaan yang betul dan masakan sesuai ikan keli boleh diangkat setanding dengan produk ikan yang lain. Malah, harganya yang murah dapat menjimatkan perbelanjaan isi rumah satu keluarga terutama sekali mereka yang perlu berjimat cermat dengan perbelanjaan mereka. Jelas Siti Suriawati, projek rintis Kolej 12 tersebut berjaya memberikan ilmu pemuliharaan ikan keli dan pengalaman yang sangat berharga kepada seluruh warga kolej. "Seterusnya, kami akan cuba perluas projek ikan keli ini dalam skala yang lebih besar dalam masa terdekat. "Tasik Kolej 12 akan digunakan sepenuhnya bagi aktiviti akuakultur untuk manafaat semua pihak," ulasnya.



**SITI SURIAWATI menunjukkan ikan keli yang dipelihara akan digoreng dalam Program Kualiti ke Keli.**